JENAYAH DI NEGERI PERLIS 1909-1931

oleh

KO MAY SIA

ARKIB
rb
fAC895
M22K75

# JENAYAH DI NEGERI PERLIS 1909-1931

OLEH

KO MAY SIA

SUATU KAJIAN UNTUK MEMENUHI SYARAT
PENGKHUSUSAN SEJARAH(HSM 411/412 : DUKUMEN DALAM SEJARAH
MALAYSIA) BAGI PENGIJAZAHAN SARJANA MUDA SASTRA DALAM

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

SIDANG 1988/89

PENGHARGAAN

Di sini, saya mengucapkan terima kasih kepada Dr. Cheah Boom Kheng (Pensyarah USM) kerana beliau telah banyak memberikan sokongan dan bimbingan kepada saya di dalam kajian ini.

Di samping itu, saya juga berterima kasih kepada Chang Fui Mei( Mahasiswi USM) kerana telah menolong saya di dalam penterjemahan artikel-artikel yang diperlukan.

Saya memilih tajuk ini sebagai bahan kajian saya kerana setakat ini masih tiada orang membuat kajian ke atas kes jenayah di Perlis. Kebanyakkan mereka hanya membuat kajian ke atas bidang ekonomi dan sejarah Perlis seperti yang dilakukan oleh Buyong Adil. Oleh kerana kesuntukkan masa, menyebabkan saya tidak dapat membuat lebih bahan bacaan kecuali hanya berdasarkan kepada Laporan Tahunan Perlis Tahun 1909-1931. Di sini/harap saudara-saudari dapat membaiki kesalahan saya sekiranya mendapati ada mana-mana bahagian yang dirasakan tidak memuaskan.

PENDAHULUAN

Negeri Perlis letaknya di utara Semenanjung Malaysia. Ia adalah negeri yang paling kecil di Malaysia. Luas kawasannya ialah 795 $km^2$. Ia terbahagi kepada enam daerah iaitu, Kangar, Arau, Padang Besar, Kaki Bukit, Kuala Perlis dan Simpang Empat(rujuk Rajah 1). Kangar ialah ibu negeri dan merupakan pusat bandar bagi negeri Perlis. Ekonomi negeri Perlis adalah bergantung kepada penghasilan padi dan memelihara binatang ternakan, hanya sebilangan kecil penduduk sahaja yang melibatkan diri dalam bidang perdagangan. Pada awal tahun 1905 hanya terdapat kira-kira 27,000 penduduk.[1] Bilangan ini telah bertambah menjadi 49,292 pada tahun 1931.[2]

LATAR BELAKANG SEJARAH PERLIS

Oleh sebab kedudukan negeri Perlis berhampiran dengan negeri Kedah dan Siam, maka sejarah Perlis mempunyai banyak kaitan dengan kedua-dua negeri ini. Mengikut sumber yang didapati, Perlis berasal